

Jenis Akhbar : *Harian Ekspres (KK)*

Tarikh : *19/01/2023*

Edisi / Muka Surat : *Sarawak / 2*

Tajuk : *Jadikan koperasi sebagai gerakan bantu rakyat : Ewon*

Jadikan koperasi sebagai gerakan bantu rakyat: Ewon

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick (*gambar*) mahu gerakan koperasi membantu rakyat khususnya yang berpendapatan rendah keluar daripada kemiskinan.



Beliau berkata, ini kerana koperasi berperanan penting dalam agenda pembasmian kemiskinan selain menyumbang kepada ekonomi negara.

"Saya mahu gerakan ini (gerakan koperasi) sebagai gerakan yang membantu rakyat. Saya percaya pendekatan melalui koperasi, banyak kita boleh bina (bangunkan) untuk keluaran rakyat daripada kepompong kemiskinan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada lawatan rasminya ke Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), di Wisma Ungku A.Aziz, Kelana Jaya, Selasa lepas.

Ewon berkata, gerakan koperasi juga perlu diberikan bantuan sama seperti syarikat atau organisasi lain agar dapat merencanakan lagi aktiviti ekonomi dalam sektor-sektor utama.

"Selain Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), kita juga akan melibatkan Angkasa dalam perbincangan mengenai pembangunan perniagaan koperasi dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh Angkasa," katanya.

Sementara itu, Presiden Angkasa merangkap Presiden Pertubuhan Koperasi Asean, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berharap gerakan koperasi dapat diiktiraf sama seperti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

"Kalau (koperasi) tak sama (pengiktirafan) pun tak apa, tetapi pakej insentif dan keistimewaan lain yang diterima oleh perusahaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia turut dapat dinikmati oleh koperasi," katanya.

Dr. Abdul Fattah juga berharap kerajaan dapat mengkaji semula dan seterusnya memperbaiki akta serta undang-undang tidak mesra koperasi yang dilihat mengekang pertumbuhan dan perkembangan perniagaan koperasi dalam pasaran terbuka.

Pada majlis sama, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Dato' Haji Abdullah Jusoh turut menyampaikan taklimat mengenai aktiviti dan pencapaian Angkasa.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama Ewon dan Saraswathy ke Angkasa sejak dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri awal Disember 2022.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kuskop, Senator Saraswathy Kandasami; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) Kuskop, Datuk Haji Zamri Salleh; Pengerusi Eksekutif SKM, Rusli Jaafar dan Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, Datuk Mohd Ali Mansor, antara lain.

*Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA*